

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD BIN HASSAN
KAWASAN : PAPAR
TARIKH : 05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN NO. 18

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan konsep kolaborasi Kementerian dengan Kerajaan Negeri Sabah dalam perihal pengendalian projek-projek pembinaan infrastruktur khususnya Projek Lebuh Raya Pan Borneo di Sabah yang mungkin melibatkan sempadan bidang kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua projek pembangunan Persekutuan perlu mematuhi Arahan Perbendaharaan 182 (AP182 - Perkara 182.1) yang telah menetapkan bahawa semua **Jabatan Bukan Teknik** hendaklah mendapatkan perkhidmatan daripada **Jabatan Teknik iaitu Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pengairan dan Saliran** bagi melaksanakan semua projek kerja tertakluk kepada peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

Walau bagaimanapun, definisi Jabatan Kerja Raya di bawah AP182 merujuk kepada **Jabatan Kerja Raya Malaysia sahaja** dan tidak termasuk Jabatan Kerja Raya Sabah dan Jabatan Kerja Raya Sarawak. JKR Sabah dan JKR Sarawak adalah Jabatan Teknik bagi negeri masing-masing berdasarkan status dan kuasa pelantikannya oleh Kerajaan Negeri.

Oleh yang demikian, pelaksanaan projek persekutuan di Sabah dan Sarawak perlu mematuhi AP182 dan sebarang kolaborasi di antara Kementerian dengan Kerajaan Negeri Sabah boleh dirujuk kepada JKR Malaysia secara '*case by case basis*'. JKR Malaysia selaku Jabatan Teknik Persekutuan boleh menetapkan bentuk kerjasama dengan JKR Sabah dan JKR Sarawak sebagai agen Kerajaan Persekutuan, manakala pengurusan kontrak adalah tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Manakala, bagi projek berskala besar seperti Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah, penentuan pengurusan kontrak adalah berdasarkan kepada kelulusan Kerajaan Persekutuan melalui Mesyuarat Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih.